

[ FOTO AFP/REUTERS/EPA ]



# BH DUNIA

## Daesh serang pusat daftar undi di Kabul

engebom Daesh membunuh sekurangnya 57 orang termasuk wanita dan kanak-kanak serta menyebabkan 119 lain cedera dalam serangan pusat pengundian di ibu kota Afghanistan di Kabul, semalam, menjelang persiapan pilihan raya 20 Oktober ini. Menurut Ketua Polis Kabul, Dawood Amin, serangan berlaku di pintu masuk pusat berkenaan dan merupakan serangan bunuh diri. Kedua-dua Menteri Kesihatan dan Dalam Negeri mengesahkan angka maut serangan didakwa dilakukan Daesh menerusi sayap propagandanya, Amaq.



# 'Botmageddon' cetus kebimbangan

**Akaun baharu Twitter pengguna samar-samar dianggap manipulasi media sosial ala-AS**

■ Hong Kong

**P**ertambahan mendadak akaun baharu Twitter tidak dikenali digelar 'Botmageddon' di sebahagian besar Asia Tenggara dan Asia Timur mendalamkan lagi kebimbangan di rantau itu, ia adalah manipulasi media sosial besar-besaran ala Amerika Syarikat (AS).

Usahawan teknologi Kemboja yang bertugas di Lembah Silikon, Maya Gillis-Chapman, menyedari sesuatu yang aneh berlaku sejak awal April lalu.

Akaun Twitter beliau, @MayaGC dibanjiri pengikut baharu setiap hari.

"Saya menerima lebih 1,000 pengikut baharu sejak awal Mac lalu. Ia menunjukkan peningkatan 227 peratus dalam tempoh sebulan," katanya.

Ketika ramai yang gembira dengan peningkatan populariti seperti itu, Gillis-Chapman, yang sebelum ini bertugas untuk syarikat teknologi menghapuskan spam, segera mengesyaki sesuatu.

## Tidak papar gambar

Majoriti akaun baharu itu tidak memaparkan gambar dan jarang menulis tweet sejak diwujudkan.

Namun semuanya menjadi pengikut Twitter terkenal di Kemboja termasuk wartawan, tokoh pernia-

gaan, ahli akademik dan selebriti.

Beliau melakukan sedikit siasatan dan menerbitkan penemuan dalam talian, memperincikan bagaimana majoriti akaun yang baharu diwujudkan baru-baru ini oleh kumpulan pengendali tidak dikenali yang bekerja keras melindungi identiti sebenar mereka.

Tidak lama selepas itu, pengguna Twitter terkenal di Thailand, Vietnam, Myanmar, Taiwan, Hong Kong dan Sri Lanka menyedari fenomena sama, peningkatan oleh pengikut tidak dikenali daripada akaun baharu diwujudkan, menggunakan nama tempatan tetapi jarang aktif, seolah-olah cuma menunggu arahan seseorang.

Ketika Facebook berdepan kritikan antarabangsa sejak beberapa bulan lalu berhubung dakwaan ia lambat bertindak terhadap golongan yang memanipulasikan rangkaian media sosial itu, Twitter juga dituduh tidak melakukan secukupnya untuk menyingkirkan

pengguna palsu.

Kebanyakan pengguna palsu (bots) itu digunakan untuk spam komersial namun pernah dihantar secara politik di Asia sebelum itu.

## Kebanjiran bots terancang

Ketika pilihan raya Presiden Filipina 2016, ada kebanjiran bots terancang dan tulisan provokasi dalam talian (troll) dihantar untuk menyokong lelaki yang akhirnya memenangi perlumbaan itu, pemimpin lantang Rodrigo Duterte.

Selepas tentera Myanmar tahun lalu melancarkan tindakan keras terhadap Muslim Rohingya, ada gelombang akaun yang menyokong kerajaan di Twitter.

Dengan pilihan raya dijangka diadakan di Kemboja, Malaysia, Thailand dan Indonesia dalam tempoh dua tahun akan datang, kebanyakannya dilanda kebanjiran pengikut Twitter di Asia juga bertanya jika gergasi teknologi Lembah Silikon melakukan se-

cukupnya untuk menghentikan akaun palsu sebelum mereka diheri arahan bertindak.

Setakat ini, Twitter tidak mementui sesuatu tidak diingini.

Seorang jurucakap syarikat berkata, jurutera sedang 'meneliti akaun yang dipersoalkan dan akan mengambil tindakan jika mana-mana akaun didapati melanggar Peraturan Twitter'.

Sumber mengetahui siasatan berkata, mereka percaya, akaun itu adalah 'pengguna baharu' yang kemungkinan diminta pengguna terkenal Twitter di seluruh Asia menjadi pengikut ketika mendaftar.

Isu penggunaan palsu amat sensitif untuk Twitter kerana tindakan keras mungkin menjejaskan pengikut kasar aktif seramai 330 juta orang.

Dalam satu laporan 2014 kepada Suruhanjaya Pertukaran dan Sekuriti AS, Twitter menganggarkan antara lima hingga 8.5 peratus pengguna adalah bots.

AFP